

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

## Malaysia alu-alukan pelaburan industri tenaga

### Malaysia alu-alukan pelaburan industri tenaga

Malaysia secara aktifnya mengalu-alukan pelaburan dan perdagangan dalam industri tenaga daripada syarikat tempatan dan antarabangsa bagi menangani krisis tenaga dan memastikan keselamatan tenaga yang terjamin, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, komitmen negara untuk mewujudkan persekitaran mesra perniagaan dalam tenaga akan diteruskan seperti dibuktikan melalui pembaharuan dalam liberalisasi pasaran gas dan akses pihak ketiga yang membolehkan pelbagai entiti mengakses dan menggunakan kemudahan gas Malaysia.

"Pagi ini (semalam), kami (berbincang) secara terperinci mengenai rancangan untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang tenaga di antara Malaysia dan Kesatuan Eropah (EU).

"Saya mendapat galakan daripada minat EU untuk mencari titik kerjasama di rantau yang berkembang pesat ini," katanya dalam ucapan perasmian pada Persidangan Tenaga Serantau EU-Indo-Pasifik, di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, kedua-dua kepimpinan EU dan Malaysia melihat krisis tenaga global sebagai satu kelebihan dan menggunakan peluang untuk mempercepatkan peralihan tenaga kedua-dua pihak.

"Wakil EU akan mengadakan mesyuarat pada peringkat kerja yang lebih terperinci dengan PETRONAS pada Jumaat.

"Kami berharap dapat membangunkan perkongsian lebih mantap kerana Malaysia memiliki kedudukan unik dalam bidang gas asli cecair.

"Terdapat beberapa aspek strategik yang kami fokuskan, termasuk cara untuk mempercepatkan pembangunan tenaga hidrogen dan PETRONAS telah berusaha melancarkan beberapa kemudahan bagi tenaga hidrogen," katanya.

Rafizi juga menyatakan kerajaan sedang merangka mekanisme baharu untuk mempercepatkan pengeluaran tenaga hijau dan tenaga boleh diperbaharui di negara ini.

"Kebanyakan permintaan untuk tenaga boleh diperbaharui di negara kita datang dari luar negara, terutama dari Singapura.

"Mekanisme ini sedang diperhalusi dan apabila kita mempunyai mekanisme yang baik, ia akan membolehkan kapasiti penjana tenaga boleh diperbaharui dipercepatkan," tambahnya.

BERNAMA